



**‘INTEGRITI Sandaran  
Negara Lahir Warga  
Berintegriti Tinggi’  
- Satu Harapan**

Laporan penuh di muka surat 12



### EDITORIAL / EDITORIAL

- 03 Azam 2018: Berganding jadikan budaya berintegriti satu gerakan

### NEWS / BERITA

- 04 Lembaga pengarah **INTEGRITI** bermesyuarat pada disember 2017
- 05 LHDN ambil langkah awal semak pelan integriti, hargai khidmat nasihat **INTEGRITI**
- 06 *Malaysian Integrity Profile essential for all sectors*
- 07 Badan masyarakat sivil ketengah idea mantapkan agenda integriti
- Program bertenaga hiasai wajah 2017, tahun signifikan bagi **INTEGRITI**
- 08 Jendela **INTEGRITI** 2017
- 10 'Wira-wira' Banjaran Titiwangsa pupuk budaya berintegriti
- 12 '**INTEGRITI** sandaran negara lahir warga berintegriti tinggi'  
- Satu harapan

### FEATURES / RENCANA

- 13 Bina integriti seawal prasekolah

### NEW BOOKS IN OUR LIBRARY / BUKU BAHARU DI PUSAT ILMU INTEGRITI

- 14 *The Fourth Industrial Revolution*

*Understanding Human Values Individual and Societal*

### GALLERY / GALERI

- 15 Berita bergambar tentang aktiviti-aktiviti lain di **INTEGRITI**

## EDITORIAL TEAM / SIDANG PENGARANG

#### Advisor / Penasihat

Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff

#### Editor / Pengarang

Dr G Manimaran

#### Assistant Editor / Penolong Pengarang

Aimi Farhana Mohd Amin  
Zareena Izmin Ismail

#### Photographer / Jurufoto

Izal Arif Zahrudin  
Rosalizawati Arshad

#### Contributors / Penyumbang

Amerul Muner Mohammad

Published monthly by / Diterbitkan setiap bulan oleh

**INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA**

Menara Integriti, Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin, Off Jalan Tuanku Abdul Halim, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia. Tel: +603-6209 2000 Website: www.integriti.my

# AZAM 2018: BERGANDING JADIKAN BUDAYA BERINTEGRITI SATU GERAKAN

Satu lagi tahun berlalu dengan pantas. Ketika edisi CAS INTEGRITI edisi terbaharu ini bermain-main di tangan kita, kita sudah pun menyambut kedatangan tahun baharu 2018. Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) pula akan genap 14 tahun pada April depan.

Sudah menjadi satu lumrah, kebanyakan daripada kita akan turut membawa diri masing-masing ke 'dunia azam baharu' dengan pelbagai harapan dan impian. Pada masa yang sama persoalan kekal mengiringi azam baharu iaitu sama ada kita berjaya memenuhi azam sebelum ini. Seperti tahun-tahun sebelum ini, kita akan berhadapan dengan cabaran-cabaran baharu yang memerlukan kita bertindak menggunakan pendekatan baharu.

Di sebalik ruang masa ini, INTEGRITI ingin melihat usaha pemupukan dan penghayatan budaya berintegriti akan dipertingkatkan oleh setiap anggota masyarakat agar agenda yang digariskan dalam Pelan Integriti Nasional (PIN) – melahirkan rakyat Malaysia yang berintegriti tinggi dicapai. Kami sedar ia bukan satu usaha yang mudah. Pada masa yang sama bukan mustahil untuk dicapai. Sasaran itu boleh dicapai jika semua pihak melipatgandakan usaha ke arah itu. Inilah azam INTEGRITI!

Bagi tujuan tersebut, sepanjang tahun lalu banyak program dan aktiviti telah diadakan sama ada di peringkat nasional mahupun negeri (**lihat halaman 8 dan 9**). Ini termasuklah program Roadshow INTEGRITI. Malah INTEGRITI juga membina jambatan kerjasama dengan negara-negara di rantau ASEAN, Asia dan banyak negara yang lain. Ini jelas dengan penganjuran ASEAN Integrity Dialogue 2017.

INTEGRITI juga telah mengambil langkah untuk menggerakkan usaha menyemak semula PIN. Bagi INTEGRITI, PIN adalah dokumen asas untuk dijadikan panduan dalam mencapai visi yang ditetapkan. Maka wajar pelan tindakan PIN ditinjau semula bagi menyesuaikan dengan perkembangan dan kehendak semasa. INTEGRITI akan terus bergerak aktif supaya setiap tindakan, aktiviti dan program adalah sesuai dengan kehendak dan keperluan semasa.

Negara telah menyaksikan banyak perubahan dan perkembangan baharu sejak PIN diperkenalkan pada April 2004. PIN dibentuk dengan fokus kepada matlamat pemantapan etika dan integriti serta membudayakan integriti dalam kalangan semua anggota masyarakat. Dengan adanya pelan seumpama ini, usaha untuk meningkatkan etika dan integriti dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik.

Seperti yang telah disebutkan tadi, bagi INTEGRITI, tahun 2017 merupakan satu tempoh yang cukup berisi dan aktif. Pelbagai program dan aktiviti yang dapat memperkukuhkan agenda integriti telah dilaksanakan. Tiga program utama adalah Roadshow INTEGRITI, ASEAN Integrity Dialogue 2017 dan Konvensyen Integriti Nasional 2017. Ia cuma beberapa daripada sejumlah program yang telah diadakan.

INTEGRITI telah mengaturkan banyak lagi program untuk diadakan sepanjang tahun 2018. Bagi tujuan itu INTEGRITI memerlukan sokongan semua pihak.

INTEGRITI menerusi pusat dan kluster yang pelbagai telah merangka aktiviti yang berimpak tinggi bagi mencapai visi dan misi. Bagi tujuan itu kami ingin melihat sokongan berterusan. Beberapa instrumen baharu akan dibangunkan bagi mendokong agenda memupuk budaya berintegriti.

Di kesempatan ini, INTEGRITI mengucapkan terima kasih kepada kesemua pihak yang terus memberi sokongan dan kerjasama padu dalam menjayakan program-program yang diadakan. INTEGRITI amat menghargai kerjasama yang diberikan. Semoga ia akan berterusan pada tahun 2018 dan seterusnya. Sama-sama kita berganding mewujudkan satu gerakan memupuk budaya berintegriti, melibatkan semua peringkat – nasional, negeri dan daerah, dan semua peringkat usia rakyat negara ini.

Salam hormat, selamat membaca.

**INTEGRITI DI HATI**

**DR G MANIMARAN**

# LEMBAGA PENGARAH INTEGRITI BERMESYUARAT PADA DISEMBER 2017

Oleh G Manimaran



(Dari kiri) Tan Sri Dr Sharifah Zarah Syed Ahmad, Tan Sri Dr Madinah Mohamad, Datuk Dr Anis Yusal Yusoff, Tan Sri Dr Ali Hamsa, Tan Sri Datuk Amar (Dr) Hamid Bugo, Tan Sri Dzulkifli Ahmad dan Prof Emeritus Dato' Dr Ibrahim Ahmad.

Mesyuarat terakhir Lembaga Pengarah Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) bagi tahun 2017, yang dipengerusikan oleh Tan Sri Dr Ali Hamsa telah berlangsung di Putrajaya pada 8 Disember 2017. Tan Sri Dr Madinah Mohamad, Tan Sri Datuk Amar (Dr) Hamid Bugo, Tan Sri Dr Sharifah Zarah Syed Ahmad, Tan Sri Dzulkifli Ahmad dan Prof Emeritus Dato' Dr Ibrahim Ahmad hadir sama.

Turut hadir Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Datuk Dr Anis Yusal Yusoff.

Pada mesyuarat kali ini, Datuk Dr Anis Yusal membentangkan hasil Dialog TN50.

Mesyuarat juga dimaklumkan mengenai penganjuran ASEAN Integrity Dialogue 2017 dan National Integrity Convention 2017 serta Roadshow INTEGRITI yang pertama kali diadakan.

Selain itu, mesyuarat juga dimaklumkan mengenai kemajuan pelaksanaan instrumen-instrumen yang dibangunkan oleh INTEGRITI iaitu Profil Integriti Malaysia (MIP), Instrumen Penilaian Integriti (IAT) dan Pelan Integriti Organisasi (PIO).

Mesyuarat juga mengambil maklum bahawa semua hasil dapatan diskusi hala tuju semasa Roadshow INTEGRITI akan diambil kira dalam proses

pembangunan Pelan Integriti negeri-negeri terbabit. Program Roadshow INTEGRITI telah diadakan di empat buah negeri pada tahun 2017 iaitu Selangor, Sarawak, Pulau Pinang dan Johor.

“Mesyuarat mengambil maklum bahawa dalam program Roadshow INTEGRITI, pegawai SPRM negeri-negeri terbabit turut sama terlibat memberikan input tambahan dan berkongsi maklumat berkaitan.

“Ini adalah susulan daripada tawaran daripada Tan Sri Dzulkifli Ahmad (Ketua Pesuruhjaya SPRM) untuk sama-sama membantu INTEGRITI menjayakan Roadshow INTEGRITI,” kata beliau.

# LHDN AMBIL LANGKAH AWAL SEMAK PELAN INTEGRITI, HARGAI KHIDMAT NASIHAT INTEGRITI

Oleh G Manimaran

Selari dengan kedudukannya sebagai pentadbir utama dalam pengurusan sistem percukaian negara, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) mempunyai peranan amat penting dalam menguruskan kutipan cukai dengan efektif, dan pada masa yang sama menyediakan perkhidmatan mesra pelanggan. Salah satu komponen mantera HASIL adalah “integriti”. Di mana “i” merujuk kepada nilai-nilai integriti. Dalam Pelan Korporat 2016-2020, LHDN menekankan bahawa integriti dibudayakan di setiap peringkat pegawainya selari dengan matlamat melahirkan modal insan yang kompeten, berintegriti dan komited.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) LHDN, Datuk Mohd Nizom Sairi berkata pihaknya mahu rakyat terus yakin dengan sistem percukaian negara. Sistem ini perlu disokong oleh pelaksanaan yang telus dan saksama serta pengurusan maklumat yang berintegriti.

Maka katanya, Pelan Integriti LHDN (PIL) berteraskan nilai bijak, benar, amanah, telus, adil dan bersyukur bertujuan untuk memelihara reputasi dan imej korporat dan dapat menambah keyakinan pembayar cukai terhadap LHDN.

Sejajar dengan sasaran dan objektif itu, LHDN mengambil langkah awal - setahun lebih awal menyemak semula PIL dengan khidmat konsultansi daripada Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) sepanjang proses semakan.

“LHDN bersedia awal supaya tidak ada sebarang masalah kelak, iaitu apabila kita hendak masuk tahun baharu pelaksanaan PIL,” kata beliau semasa berucap merasmikan Bengkel Semakan



Para peserta Bengkel Semakan Pelan Integriti LHDN bersama Datuk Mohd Nizom Sairi (tengah, barisan kedua).

PIL yang berlangsung di Putrajaya dari 5 hingga 8 Disember 2017.

Pasukan khidmat nasihat INTEGRITI diketuai oleh Penyelaras Profil Integriti Malaysia (MIP), Mohd Rais Ramli. Seramai 30 pegawai agensi pelaksana LHDN terlibat dalam proses semakan ini. LHDN meletakkan sasaran untuk melancarkan PIL 3.0 (2019-2023) menjelang pertengahan 2018. PIL fasa pertama adalah dari 2009-2013 manakala PIL 2.0 membabitkan tempoh 2014-2018.

“Ini menunjukkan kita amat proaktif untuk melangkah ke hadapan,” kata beliau. Mohd Nizom berkata PIL merupakan satu ‘blue print’ penting bagi menyediakan mekanisme berkaitan integriti bagi LHDN. “Saya melihat kerjasama Institut Integriti Malaysia sebagai kerjasama yang penting, kolaborasi antara agensi-agensi kerajaan untuk meningkatkan kepakaran dan mengurangkan sebarang isu atau masaah.”

“Diharap PIL 3.0 akan meneruskan

agenda kita dalam memastikan LHDN menjadi agensi percukaian yang cukup unggul,” tambah beliau.

“Pengurusan (LHDN) kekal komited untuk menerapkan nilai-nilai murni dalam setiap urusan dan tindakan,” kata beliau sambil menambah, PIL 3.0 perlu berhadapan dengan impak teknologi dan sistem penyampaian yang lebih baik.

Sementara itu, Mohd Rais, yang juga Ketua Fasilitator berkata, proses penyediaan pelan integriti ini disemak dengan menilai keberkesanan pelaksanaan PIL 2.0 serta mengkaji semula permasalahan dan isu-isu integriti di LHDN yang menjadi cabaran dan halangan untuk mencapai visi dan misinya.

“Sesi perbincangan awal telah mengenal pasti aspek-aspek yang perlu dipertimbangkan untuk mengukuhkan PIL yang sedia ada. Pihak sekretariat (Jabatan Inspektorat dan Integriti) akan membawa input yang dikumpulkan kepada pengurusan LHDN,” kata beliau.

# MALAYSIAN INTEGRITY PROFILE ESSENTIAL FOR ALL SECTORS



Amerul Muner sharing information on Malaysian Integrity Profile (MIP) at the Integrity Forum.

In conjunction with the International Anti Corruption Day 2017, Transparency International-Malaysia (TI-M) in collaboration with Top Glove Berhad, held Integrity Forum, recently.

Speakers from the Malaysian Institute of Integrity (INTEGRITI) and TI-M discussed on ways to enhance integrity within organisations.

Amerul Muner Mohammad, Director of Management Services, INTEGRITI shared on the tools available for the assessment of level of integrity, particularly for recruitment and career planning purposes. His briefing on 'Pre-Employment Screening Process: Malaysian Integrity Profile (MIP)' kept the attendees, mostly the middle and senior management of Top Glove and its stakeholders captivated.

Amerul acknowledged that hitherto, academical qualification, competency and capability of the candidates were taken into consideration in recruitment process whereas the level and tendency of integrity of the candidates have not been properly assessed during the process. This may lead to candidates with integrity issues, such as dishonesty, non-transparency

and other bad personal traits are employed. To make things worse, those candidates might be placed at high or critical positions that acquire absolute or high level of integrity.

MIP which is a psychometric test was developed by MIMOS. INTEGRITI is the technology

recipient and a major promoter of the test. This test which requires candidates to answer 120 questions within 40 minutes is meant to assess a person's tendency to commit actions which may be considered as unethical or against the good values of integrity. While this test is not 100 per cent conclusive to judge a person, the outcome of the test would help the recruiter to decide on the hiring or the human resource department in the placement of new candidates or to determine the suitability of an employee for a promotion.

The speaker went on to explain that pursuant to the MIP test, INTEGRITI would be able to provide detailed analysis on the outcome of the test. The analysis would be a basis for INTEGRITI to recommend interventions in the organisation.

MIP is an effective tool particularly for human resource management and career planning for new recruits. The expenses to undertake MIP is an investment and should not be considered as costs to organisations. The results would provide valuable planning to establishments albeit its long digestion period.

The other speaker, Tam Wah Fiong, Founder and Chairman of Thumbprint Utd Sdn Bhd shared his views on the values of integrity in the management of organisations especially within commercial entities. He emphasised that corrupt practices would destroy an organisation as integrity must be the pillar of any entity.

Tan Sri Dr Lim Wee Chai, Executive Director of Top Glove Bhd and Dato' Akhbar Satar, the President of TI-M thanked all attendees on their participation in the International Anti Corruption Day.



Among those attended the Integrity Forum held at the Top Glove Berhad headquarters.

# BADAN MASYARAKAT SIVIL KETENGAH IDEA MANTAPKAN AGENDA INTEGRITI

Oleh Aimi Farhana Mohd Amin



Wakil pelbagai pertubuhan masyarakat sivil dan badan bukan kerajaan yang mengambil bahagian dalam Perbincangan Kumpulan Fokus di Menara INTEGRITI.

Bagi mendapatkan pandangan pertubuhan masyarakat sivil dan bukan kerajaan mengenai kerjasama dua hala serta input mengenai program-program berimpak tinggi, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) menganjurkan Perbincangan Kumpulan Fokus (FGD). Perbincangan yang berlangsung pada 14 Disember bertujuan mendapatkan input mengenai kerjasama dua hala dan program-program pengukuhan integriti

yang bersesuaian untuk institusi masyarakat sivil dan komuniti.

Antara isu-isu berkaitan integriti yang diketengahkan termasukah rasuah dan salah guna kuasa, peningkatan kadar jenayah terutama jenayah perdagangan, pencemaran alam sekitar ekoran pembalakan haram dan pembangunan tidak terkawal, budaya fitnah-memfitnah yang semakin berleluasa di media sosial, polarisasi kaum, semangat patriotisme

dalam kalangan golongan muda yang semakin goyah, budaya kesukarelawan yang semakin merosot dalam kalangan generasi muda dan impak masalah pengangguran siswazah dan peningkatan kos hidup.

Perbincangan dimulakan dengan penekanan terhadap komponen masyarakat sivil sebagai salah satu komponen penting untuk mendorong gerakan pementapan integriti. Perbincangan dihadiri lebih 20 wakil pelbagai pertubuhan, antaranya Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, Transparency International-Malaysia, C4, Persatuan Kelab-kelab Belia Malaysia (MAYC), Jaringan Melayu Malaysia, Sisters In Islam, Persatuan Bulan Sabit Merah, Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA), Yayasan Patriot Negara Malaysia.

Turut hadir beri sumbangan input adalah wakil agensi-agensi kerajaan yang berkaitan seperti Institut Kemajuan Desa, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Pejabat Pendaftar Pertubuhan dan Institut Tadbiran Awam Negara.

## PROGRAM BERTENAGA HIASAI WAJAH 2017, TAHUN SIGNIFIKAN BAGI INTEGRITI

Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) mengisi tahun 2017 dengan pelbagai aktiviti dan program membabitkan penglibatan kesemua institusi penting yang digariskan dalam Pelan Integriti Nasional (PIN). Bagi INTEGRITI, 2017 satu tahun yang amat signifikan dalam memperluaskan penghayatan budaya berintegriti tinggi dalam kalangan rakyat.

Tahun 2017 bermula dengan program bengkel penyediaan penulisan Modul Integriti Prasekolah (MIPs). Turut diadakan siri program INTEGRITI's Breakfast Talk.

Salah satunya bertemakan Kepimpinan Beretika dan Berintegriti: Kunci Utama Kepada Kejayaan, yang diadakan dengan kerjasama Unit Integriti Majlis Agama Wilayah Persekutuan.

INTEGRITI memperkenalkan Siri Syarahan Perdana Integriti Tun Abdullah Ahmad Badawi. Buat pertama kali INTEGRITI memperkenalkan Roadshow INTEGRITI. Dialog TN50: Melangkah Ke Hadapan Meneruskan Agenda Integriti Negara juga diadakan.

INTEGRITI bukan sahaja aktif mengadakan program pemupukan budaya berintegriti dalam negara, Malaysia jambatan kerjasama dengan anggota ASEAN dan negara-negara lain turut diusahakan. Pada 26 Oktober, ASEAN Integrity Dialogue 2017 telah diadakan. Ucaptama disampaikan oleh mantan Setiausaha Agung ASEAN, Tan Sri Dr Surin Pitsuwan.

**Carta aktiviti INTEGRITI tahun 2017 di halaman 8 & 9**

## JENDELA INTEGRITI 2017



JANUARI	FEBRUARI	MAC	APRIL / MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPTEMBER	OKTOBER	NOVEMBER	DISEMBER
<p><b>10-12 Januari:</b> Bengkel penyediaan penulisan Modul Integriti Prasekolah (MIPs).</p> <p><b>18 Januari:</b> Executive Breakfast Talk bertemakan Kepimpinan Pengurusan dan Tadbir Urus Dalam Perspektif Integriti, diadakan dengan kerjasama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Taman Negara (Perhilitan).</p> <p><b>24 Januari:</b> Breakfast Talk bertemakan Kepimpinan Beretika dan Berintegriti: Kunci Utama Kepada Kejayaan, diadakan dengan kerjasama Unit Integriti Majlis Agama Wilayah Persekutuan.</p> <p><b>26 Januari:</b> Sesi taklimat mengenai 32 cadangan oleh Jawatankuasa Konsultatif Nasional Mengenai Pembiayaan Politik (JKNMPP) diberikan kepada Parti Keadilan Rakyat dan Parti Amanah Negara. Taklimat yang sama diberikan kepada Barisan Nasional dan Parti Islam SeMalaysia (PAS) dan Parti Ikatan Bangsa Negara (IKATAN) pada Disember 2016.</p>	<p><b>11 Februari:</b> Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi melancarkan Pelan Integriti Organisasi (PIO) Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA).</p> <p><b>13 Februari:</b> Breakfast Talk bertemakan "Antara Arahan dan Peraturan" berlangsung di kampus induk Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam.</p> <p><b>28 Februari:</b> Perbincangan meja bulat semakan semula Pelan Integriti Nasional (PIN) melibatkan agensi-agensi yang terlibat dalam institusi politik.</p> <p><b>28 Februari:</b> INTEGRITI dengan kerjasama Astro Shaw mengadakan program Integrity Art Night bertemakan "Gobok Wayang Integriti: Ola Bola, Jambatan Integriti dan Perpaduan".</p>	<p><b>2 Mac:</b> INTEGRITI julung kali mengadakan program bicara ilmu, di bawah tajuk Melestarikan Integriti TN50 Berasaskan Pemahaman Nilai Pelbagai Perayaan Agama Di Malaysia.</p> <p><b>9-12 Mac:</b> Program Legasi Integriti Khazanah Alam (LeIKA) diadakan di Taman Negeri Gunung Stong, Dabong Kelantan.</p> <p><b>13 Mac:</b> Integrity Executive Talk di Perodua disampaikan oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Datuk Dr Anis Yusoff.</p> <p><b>29 Mac:</b> Dengan kerjasama Persatuan Penulis Putrajaya (PEWIRA) mementaskan teater Sekangkang Kera - menghidangkan paparan kehidupan sebenar masyarakat yang sering berbalah mengenai hak.</p>	<p><b>19 April:</b> INTEGRITI menyambut ulang tahun kelahiran yang ke-13.</p> <p><b>23 April:</b> Perbincangan Meja Bulat bertajuk "Strategi Bagi Mempertingkatkan Tahap Integriti Mahasiswa Bagi Memastikan Kepimpinan dan Tadbir Urus Terbaik Buat Negara Di Masa Depan".</p> <p><b>27 April:</b> INTEGRITI's Breakfast Talk bertemakan Pengurusan dan Pembangunan Harta Intelek: Perspektif Integriti dengan kerjasama Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).</p> <p><b>16 Mei:</b> Pertemuan Eksklusif INTEGRITI bersama editor-editor media bagi menjalin persefahaman yang dinamik.</p> <p><b>17 Mei:</b> INTEGRITI dan Sinar Harian menandatangani MoU bagi kerjasama pintar dalam mempromosikan agenda integriti.</p>	<p><b>6 Jun:</b> Mesyuarat Agung Tahunan INTEGRITI kali yang ke-13. Ia dipengerusikan oleh Tan Sri Dr Ali Hamsa.</p> <p><b>9 Jun:</b> Pembentangan sistem Dashboard INTEGRITI kepada Ketua-ketua Unit Integriti.</p> <p><b>14 Jun:</b> Kunjungan hormat INTEGRITI ke Pejabat YB Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, Tan Sri Datuk Amar Mohamad Morshidi Abdul Ghani.</p> <p><b>21 Jun:</b> INTEGRITI dengan kerjasama Malaysian Association of Educational Management and Leadership menganjurkan Executive Integrity Talk Session.</p>	<p><b>4 Julai:</b> Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Datuk Dr Anis Yusoff mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat SUK Negeri Perlis, Ahmad Zamri Kamaruddin.</p> <p><b>12-14 Julai:</b> Bengkel Penyemakan Draf Akhir MIPs diadakan.</p> <p><b>20 Julai:</b> INTEGRITI memperkenalkan Siri Syarahan Perdana Integriti Tun Abdullah Ahmad Badawi. Syarahan sulung disampaikan oleh Profesor Emeritus Dato' Dr Abdul Rahman Embong.</p> <p><b>24-26 Julai:</b> Program rintis Modul Integriti Agensi Penguatkuasaan untuk Jabatan Pengangkutan Jalan.</p> <p><b>25 Julai:</b> Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Datuk Dr Anis Yusoff mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat SUK Negeri Johor, Dato' Azmi Rohani.</p> <p><b>25 Julai:</b> Perbincangan Meja Bulat mengupas tajuk Strategi dan Pendekatan Bagi Membanteras dan Membasmi Insiden Buli Serta Budaya Gengsterisme Dari Peringkat Sekolah Hingga Ke Institusi Pengajian Tinggi. Demi Melahirkan Sebuah Masyarakat Yang Berintegriti Tinggi.</p> <p><b>31 Julai:</b> Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Datuk Dr Anis Yusoff mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat SUK Negeri Pulau Pinang, Dato' Seri Farizan Darus.</p>	<p><b>1-3 Ogos:</b> Pegawai-pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia mengikuti program rintis Modul Integriti Agensi Penguatkuasaan di Menara INTEGRITI.</p> <p><b>8-9 Ogos:</b> INTEGRITI mengadakan Awareness Programme on Integrity bagi warga kerja Pelaburan Hartanah Berhad.</p> <p><b>9-10 Ogos:</b> Bengkel Semakan Semula Pelan Integriti Organisasi (PIO) diadakan khusus bagi Jabatan Kerja Raya.</p> <p><b>15 Ogos:</b> Roadshow INTEGRITI 2017 dilancarkan dengan persinggahan pertama melibatkan Selangor. Program seterusnya diadakan di Sarawak, Pulau Pinang dan Johor.</p> <p><b>22 Ogos:</b> Program INTEGRITI's Breakfast Talk bertemakan Bella Melestarikan Keamanan: Perspektif Integriti berlangsung.</p>	<p><b>6 September:</b> Siri Dialog TN50: Melangkah Ke Hadapan Meneruskan Agenda Integriti Negara diadakan bagi menyumbangkan input kepada proses penggubalan agenda TN50.</p> <p><b>9 September:</b> Dokumentari Jejak Mat Kilau dilancarkan bersempena sambutan Hari Malaysia.</p> <p><b>12-14 September:</b> Bengkel Analisis Data Pembinaan Indeks Kajian Persepsi Integriti Nasional (KPIN).</p> <p><b>16 September:</b> Program Family Integrity Talk yang membincangkan tajuk "Masalah Mental, Barah Dalam Perkahwinan" diadakan di Kg Tekek, Pulau Tioman.</p> <p><b>25 September:</b> Perbincangan Meja Bulat semak status pelaksanaan program memantapkan integriti institusi keluarga berlangsung.</p>	<p><b>1 Oktober:</b> Warga INTEGRITI mencapai puncak Gunung Kinabalu, sekali gus mengibarkan bendera INTEGRITI.</p> <p><b>6 Oktober:</b> Majlis perasmian Pelan Integriti Organisasi Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia.</p> <p><b>10 Oktober:</b> Dialog Khas INTEGRITI Agensi Penguat Kuasa diadakan. Ia mengupas tajuk "Mampukah Kenaikan Gaji Penguat Kuasa Menyelesaikan Masalah Rasuah?".</p> <p><b>11 Oktober:</b> INTEGRITI's Breakfast Talk bertajuk "Kelestarian Keamanan Perspektif Integriti" diadakan di Pusat Latihan Polis, Kuala Lumpur.</p> <p><b>26 Oktober:</b> ASEAN Integrity Dialogue 2017 berlangsung dengan ucapan disampaikan oleh bekas Setiausaha Agung ASEAN, Tan Sri Dr Surin Pitsuwan.</p> <p><b>27-29 Oktober:</b> Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI Datuk Dr Anis Yusoff dijemput berkongsi idea dan input kepada Commission to Investigate Allegations of Bribery or Corruption di Colombo, Sri Lanka.</p>	<p><b>9 November:</b> Konvensyen Integriti Nasional 2017 diadakan di KLCC dengan kerjasama PETRONAS. Turut dilancarkan Modul Integriti Industri Pembinaan.</p> <p><b>16 November:</b> Program Perbincangan Meja Bulat mengupas tajuk Memperkasa Etika Badan Sukan dan Membudayakan Integriti Atlet Negara.</p> <p><b>27-29 November:</b> INTEGRITI mengadakan sesi perbincangan bagi menyemak PIN.</p> <p><b>28 November:</b> Majlis Perbandaran Klang (MPK) muncul sebagai PBT pertama menganjurkan bersama INTEGRITI's Breakfast Talk. Ia membincangkan topik Pengurusan Tadbir Urus PBT: Perspektif Integriti.</p>	<p><b>5-8 Disember:</b> INTEGRITI mengendalikan bengkel semakan Pelan Integriti LHDN di Putrajaya.</p> <p><b>8 Disember:</b> Mesyuarat Lembaga Pengarah INTEGRITI, yang dipengerusikan oleh Tan Sri Dr Ali Hamsa berlangsung di Putrajaya.</p> <p><b>12 Disember:</b> INTEGRITI membentangkan dapatan pelaksanaan Instrumen Penilaian Integriti (IAT) kepada Majlis Perbandaran Klang (MPK). Pembentangan dilakukan di hadapan Yang Dipertua MPK, Dato' Mohamad Yasid Bidin.</p> <p><b>14 Disember:</b> INTEGRITI menganjurkan Perbincangan Kumpulan Fokus bersama pertubuhan masyarakat sivil dan bukan kerajaan.</p> <p><b>20-21 Disember:</b> INTEGRITI memasang 'signage' LeIKA di Zoo Taiping &amp; Night Safari dan Hutan Paya Laut Matang, Kuala Sepetang, Taiping, Perak ketika kunjungan sempena Kursus Citra Organisasi Berimpak Tinggi.</p>

Nota: Sebahagian daripada program, aktiviti dan mesyuarat yang dianjurkan oleh INTEGRITI sepanjang tahun 2017



# ‘WIRA-WIRA’ BANJARAN TITIWANGSA PUPUK BUDAYA BERINTEGRITI

Oleh G Manimaran

Meskipun panas terik, maklumat demi maklumat menarik yang dikongsi Pak Abu tanpa putus-putus menjadi ‘penyejuk’ badan. Setiap langkah diisi dengan input yang amat menarik. Secara tidak langsung menjadi maklumat bernilai untuk diamalkan dalam kehidupan seharian.

Pak Abu, nama sebenarnya Abu Bakar Mat Saad, mempunyai banyak cerita untuk dikongsi bersama. Dari akar sehinggalah daun setiap pokok Hutan Paya Laut Matang, Perak. Sudah pasti semuanya membawa makna tersendiri kepada pengunjung. Beliau mengaitkan sifat tumbuh-tumbuhan di sepanjang 1.2 kilometer ‘board walk’, yang perjalanannya memakan masa sekitar 40 minit, dengan nilai-nilai murni yang perlu ada pada diri setiap orang demi pembangunan kerjaya dan organisasi masing-masing. Sebagai contoh kata beliau, pokok paya bakau dapat berdiri teguh kerana sokongan akar-akar di sekeliling, sekali gus menggambarkan kemajuan sesebuah organisasi bergantung kepada sokongan tenaga kerja yang ikhlas, jujur, amanah dan berdedikasi.

Hutan Paya Laut Matang merupakan sebuah hutan simpan bakau di Perak. Berdasarkan maklumat yang disampaikan ketua Pak Abu, Hairudin Abdul Hadi, Penolong Pemelihara Hutan Paya Laut Matang, kawasan itu seluas 101,877 hektar, dan mempunyai 198 hutan simpanan kekal yang menempatkan pelbagai spesies flora dan fauna dari ekosistem persisiran pantai dan kawasan hutan paya laut.

“Hutan Paya Laut Matang merupakan satu lagi destinasi untuk kembali ke alam,” demikian rumus Hairudin. “Ia diiktiraf sebagai hutan paya laut yang diurus



INTEGRITI meletakkan *signage* LelKA di Hutan Paya Laut Matang, Kuala Sepetang, Perak dengan disaksikan oleh kakitangan hutan simpan bakau itu.

secara terbaik di dunia,” kata beliau dalam taklimat sebelum ‘board walk’ dimulakan. “Misi kami memelihara hutan ini dengan sebaik yang mungkin. Ini warisan kami. Kami perlu mengurus dengan sempurna, daripada pencerobohan, kerosakan dan sebagainya. Bukan sahaja bagi pengunjung yang datang pada hari ini, tetapi demi manfaat generasi akan datang,” katanya yang turut menghargai sokongan banyak pihak. “Kami ada etika apa yang boleh dilakukan dan tidak dilakukan oleh pengunjung supaya keharmonian hutan ini terus terpelihara,” kata beliau.

Antara pihak yang mendokong usaha mereka termasuk agensi pelaksana Koridor Ekonomi Wilayah Utara (NCER), yang merangkumi negeri Perak.

Selain matlamat utama pengurusan bagi tujuan pengeluaran arang dan kayu jaras, pengurusan Hutan Paya Laut Matang juga memberi penekanan

kepada pemuliharaan dan perlindungan sumber-sumber dan alam sekitar untuk pengkalan habitat hidupan liar, industri perikanan, rekreasi dan ekopelancongan, pemuliharaan kepelbagaian biologi, pendidikan dan penyelidikan.

## Prinsip 11S Gaharu Tea Valley Gopeng

Gaharu Tea Valley di Gopeng mendedahkan kepada satu lagi pengalaman pemupukan nilai-nilai murni. Pengasasnya, David Ho membangunkan kawasan sekitar 113 hektar dengan 200,000 pokok gaharu. Beliau dihidiahkan 200 pokok oleh rakannya dari Jepun dengan tiga syarat iaitu pokok-pokok itu dibangunkan di kawasan luas secara organik, menunggu selama 15 tahun untuk melihat pokok-pokok yang ditanam itu dewasa dan menggandakan tanaman itu, dan harus membantu orang ramai yang memerlukan. Dalam lain kata,

ia harus dibangunkan demi keperluan orang ramai dan secara organik.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Nicklaus Ho berkata, bapanya memulakan perniagaan ini dengan impian menyediakan produk kesihatan bukan sahaja bagi pengguna semasa, tetapi juga demi kegunaan generasi akan datang. “Kesabaran dan membantu orang lain sangat penting. Ini pesanan ayah saya,” katanya dengan memetik ayat-ayat mengenai perubatan dan kesihatan dalam pelbagai agama termasuk Islam, Kristian, Buddha dan Hindu.

Malah beliau juga berkongsi falsafah syarikatnya iaitu mereka “percaya bahawa manusia yang mempunyai hati yang bersih boleh mengubah dunia mencapai kebahagiaan bersama.”

Taklimat beliau juga menekankan bahawa “membina satu komuniti masyarakat dunia yang hidup seperti keluarga harmoni tanpa ada jurang perbezaan antara satu sama lain melalui perniagaan berasaskan gaharu HOGA yang akan dikembangkan ke peringkat nasional dan antarabangsa.



Nicklaus Ho menunjukkan batang pokok gaharu semasa taklimat.



Datuk Dr Anis Yusaf menunjukkan *signage* LelKA yang menghiasi Zoo Taiping & Night Safari. Bersama beliau ialah Pengarah Zoo Taiping, Dr Kevin Lazarus (tengah) dan Ketua Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) Pejabat Negeri Perak, Zairemy Mohd Yunus.

Ketua Pegawai Eksekutif muda ini turut berkongsi visi syarikat yang bersandarkan prinsip 11S – selamat, sedap, selesa, senang, sihat, sejahtera, syukur, senyum, salam, sedekah dan saudara. Pengajaran daripada lawatan ini tatkala dunia menjadi mangsa kerakusan sekumpulan manusia, masih ada insan yang memperlihatkan keprihatinan terhadap keperluan menjaga alam demi generasi akan datang.

### Keunikan Zoo Taiping dan Spritzer Eco Park

Zoo Taiping & Night Safari yang merupakan habitat kepada 1,200 ekor haiwan yang terdiri daripada 140 spesies, mempunyai cerita tersendiri. Zoo awam pertama yang dibuka di negara ini pernah merangkul Anugerah Pelancongan Malaysia bagi kategori tarikan pelancongan terbaik buatan manusia. Cabaran adalah mengekalkan keunikan pusat ini sebagai destinasi pelancongan menarik dengan memikat kehadiran pengunjung secara berterusan, kata Pengarahnya, Dr. Kevin Lazarus.

“Di sebalik cabaran-cabaran ini, kami cuba menyebarkan nilai-nilai murni seperti menjaga alam sekitar dan habitat,” kata beliau yang turut berkongsi bahawa pihaknya menerima sokongan

moral dan kewangan daripada pelbagai pihak. Ini termasuklah Northern Corridor Implementation Authority (NCIA).

Mohamed Anuar Yunus, Penolong Pengurus Knowledge Management, Bahagian Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko NCIA berkata, pihaknya mengiktiraf potensi sebenar sektor pelancongan sebagai salah satu penyumbang kepada pembangunan ekonomi di NCER. “Maka, NCIA terus berusaha untuk merencanakan pertumbuhan serta produktiviti dalam sektor pelancongan bagi meletakkan NCER sebagai salah satu destinasi pelancongan yang terkenal di Malaysia,” katanya. Dalam melaksanakan agenda ini, NCIA berusaha untuk menaik taraf dan meningkatkan elemen tambah nilai destinasi pelancongan di NCER. Salah satu lokasi terbabit adalah Zoo Taiping.

Spritzer Eco Park di Taiping, syarikat pengeluar air mineral yang turut mengambil berat akan kepentingan pemuliharaan alam. Kesemua lokasi dikunjungi mempunyai nilai tersendiri yang boleh disepadukan bagi meningkatkan penghayatan budaya berintegriti dengan sokongan pelbagai pihak secara langsung dan juga secara tidak langsung.

# 'INTEGRITI SANDARAN NEGARA LAHIR WARGA BERINTEGRITI TINGGI' - SATU HARAPAN

Oleh G Manimaran



V. Loganathan menerima cenderahati dan sijil penghargaan daripada Datuk Dr Anis Yusal pada 21 Disember 2017.

Memang sukar untuk percaya yang V. Loganathan, yang dikenali dengan panggilan mesra "Loga", sudah mencecah usia persaraan wajib. Beliau terus bertenaga dan komited untuk menjayakan agenda Insitut INTEGRITI Malaysia (INTEGRITI). Beliau yang lahir di Ladang Getah Kelang Baru, Kulim, Kedah antara warga yang popular dalam kalangan mereka yang pernah berurusan dengan INTEGRITI ataupun mengikuti ceramah mengenai budaya berintegriti.

Apabila diajukan soalan mengenai 'landskap budaya berintegriti', Ketua Kluster Masyarakat dan Politik ini berkata: "Saya yakin INTEGRITI akan kekal menjadi sandaran rakyat bagi melahirkan negara yang mendukung budaya berintegriti tinggi." Memulakan perjalanan bersama INTEGRITI sejak 3 Januari 2005 selaku Pengurus Latihan dan Pendidikan, Loga menarik perhatian yang Pelan Integriti Nasional (PIN) dan INTEGRITI memikul amanah dan tanggungjawab untuk membudayakan integriti dalam kalangan masyarakat Malay-

sia secara berterusan, menyeluruh dan dengan berkesan.

"Pelancaran PIN dan penubuhan IIM telah memungkinkan rakyat untuk menerima dan memahami serta menghayati maksud integriti," kata beliau yang merupakan pegawai pertama kalangan mereka yang dilantik bersara.

Meskipun dibatasi dengan pelbagai cabaran termasuk sumber kewangan dan modal insan, kata beliau, insti-

tut ini di bawah pimpinan Tan Sri Dr Sulaiman Mahbob, selaku Pengerusi pertama, bertekad untuk mempromosikan PIN melalui pelbagai cara. Sebagai pegawai yang diberi amanah untuk menyampaikan ceramah integriti, Loga turut berkunjung ke setiap negeri. Banyak aktiviti dan program yang dilaksanakan, katanya. Salah satu yang kekal dalam memori beliau adalah Pertandingan Menulis Esei dalam Bahasa Melayu, Bahasa Tamil dan Bahasa Mandarin membabitkan pelajar sekolah menengah. Bersandarkan pengalaman dalam jurusan politik dan disokong dengan bimbingan Pengarah Sektor Politik ketika itu, Datuk Dr Anis Yusal Yusoff (kini Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI), beliau memikul tanggungjawab menganjurkan program pengukuhan integriti politik di semua peringkat.

Loga yang mengetuai Institusi Agama sejak 2015 juga telah menganjurkan Program Bicara Ilmu di mana julung kali INTEGRITI menyaksikan kehadiran tokoh-tokoh agama, antaranya Mufti Wilayah

Persekutuan Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al Bakri dan Most Reverend Julian Leow Beng Kim Archbishop Kuala Lumpur. Dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Majlis Agama Wilayah Persekutuan dan International Institute of Advanced Islamic Studies, portfolio Institusi Agama sedang dalam proses merangka Modul Integriti Institusi Agama.

Ke arah meningkatkan kefahaman dan kesedaran dalam kalangan masyarakat majmuk mengenai setiap agama mengutamakan amalan nilai-nilai murni, memelihara perpaduan dan saling hormat-menghormati antara kaum, beliau telah menghasilkan buku kecil Nilai Integriti Pelbagai Agama - Pengikat Persefahaman. Bersandarkan tesis pengajian Ijazah Sarjana, Loga kini dalam proses menghasilkan buku berkaitan Integriti Dalam Perkhidmatan Awam Malaysia 1957-1981.

Meskipun gembira kerana diberi amanah menganjurkan ASEAN Integrity Dialogue (AID) 2015 dan 2017, Loga juga berkongsi detik pilu dan sedih. Kira-kira sebulan selepas menjadi tetamu khas AID 2017, Tan Sri Dr Surin Pitsuwan yang menyampaikan ucap tama telah kembali ke Rahmatullah pada 30 November 2017.

"Saya telah menyaksikan pelbagai usaha dipikul oleh INTEGRITI ke arah pembudayaan integriti. Di peringkat awal banyak bergantung kepada program-program kesedaran dan kefahaman."

Harapan beliau, kini transformasi yang dilakukan dalam fungsi INTEGRITI oleh Datuk Dr Anis Yusal, dengan sokongan padu Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah dan timbalan beliau, Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin, INTEGRITI terus melaksanakan pendekatan baharu bagi meningkatkan amalan integriti dalam kalangan setiap individu dan organisasi.

# BINA INTEGRITI SEAWAL PRASEKOLAH

Oleh G Manimaran

Disiarkan oleh Majalah PENDIDIK Edisi November 2017

Dengan menggunakan pendekatan penceritaan, Cikgu Arnida dengan penuh bersemangat menyampaikan nilai-nilai murni kepada kanak-kanak tadika di sebuah sekolah di Lembah Klang baru-baru ini. Guru Sekolah Kebangsaan Bandar Utama, Selangor itu turut menyelitkan lagu-lagu yang membawa mesej nilai-nilai positif yang perlu disemai dalam kalangan generasi muda. Pergerakan beliau turut dibantu oleh Saya Anak Malaysia (SAM) - maskot INTEGRITI yang membawa slogan "Integriti Di Hati". Pendekatan baharu lagi bersantai dalam berkongsi ilmu dengan kumpulan sasaran ini terdiri daripada kalangan kanak-kanak.

Roziah Harun, Penolong Pengarah Kanan dan Penyelaras Program Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI), yang mengetuai projek rintis itu berkata pihaknya dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) cuba pendekatan mendekati kumpulan sasaran di peringkat tadika agar budaya berintegriti tinggi yang diharapkan oleh kerajaan dapat dipukuk sejak usia kecil lagi. "Setakat ini kami telah mengendalikan projek rintis di 10 sebuah sekolah di Lembah Klang dan sebuah sekolah di Besut, Terengganu," kata beliau yang merujuk kepada Modul Integriti Prasekolah (MIPs).

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Datuk Dr Anis Yusaf Yusoff seringkali merujuk pendekatan menyemai teladan positif yang diamalkan di negara-negara maju. Salah satu adalah pengalaman beliau ketika berada di New Zealand.

Menurut Dr Anis, beliau pernah mengalami sendiri satu persekitaran di mana seorang guru yang membawa kanak-kanak ke taman awam berkata, "ini adalah taman kita bersama." Guru itu menekankan kepentingan menyertakan "nilai kekitaan"

dalam memupuk budaya berintegriti. Pada pandangan Dr Anis budaya berintegriti perlu disemai dari sejak kecil lagi. Murid tadika merupakan kumpulan sasaran yang penting.

Justeru, pelbagai usaha telah diambil INTEGRITI sejak setahun lalu untuk mempelbagaikan kaedah ke arah usaha membudayakan integriti dalam kalangan rakyat. Antara program itu adalah membentuk modul bagi kanak-kanak prasekolah.

"Kami menggunakan modul ini sebagai projek perintis dengan beberapa tadika untuk memahami sejauh mana modul ini berkesan dalam membentuk sikap dan membina nilai murni dalam kalangan anak kita," kata Dr Anis.

Maka INTEGRITI ingin memberi tumpuan kepada generasi akan datang. Ekoran kejayaan usaha rintis ini, INTEGRITI telah mengangkat kertas cadangan kepada KPM agar modul ini diguna pakai di semua sekolah tadika milik kerajaan dan menggalakkan tadika swasta agar turut menggunakan modul tambahan ini demi memastikan keberkesanan usaha membentuk generasi berintegriti tinggi pada masa hadapan.

"Pada masa yang sama, sambil kita berusaha mencari jalan agar generasi akan datang dapat dididik dan didedahkan dengan nilai-nilai murni, kita harus juga melatih generasi masa kini dengan amalan yang dapat memupuk satu budaya baik sebagai resam kehidupan seharian mereka," katanya.

Sebagai contoh, kata beliau, "kita patut memulakan kedai integriti di sekolah rendah dan menengah seluruh negara."

MIPs yang telah dibangunkan di 10 buah tadika di Lembah Klang dan satu di

Terengganu mula menunjukkan impak yang positif dalam kalangan anak-anak kecil.

Kata beliau, satu pertemuan telah diadakan dengan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia ketika itu, Tan Sri Dr. Khair Mohamad Yusof, untuk membincangkan hala tuju MIPs. Hasil pertemuan tersebut, modul ini telah dipersetujui untuk dilaksanakan di prasekolah KPM.

Lanjutan daripada pertemuan tersebut, INTEGRITI telah mengadakan Bengkel Penyemakan Draf Akhir MIPs pada 12 hingga 14 Julai 2017 untuk memantapkan dan melaksanakan penambahbaikan dalam MIPs. Bengkel ini memfokuskan aspek penambahbaikan berdasarkan input pertemuan kedua-dua pihak untuk diselarikan dengan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan yang sedia ada.


Roziah menambah, input daripada KPM turut mencadangkan agar aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam modul ini perlu berpusatkan murid dan bentuk pembelajaran yang dilakukan adalah secara praktikal bersamasama guru dan juga murid.

"Konsep modul yang telah dipersetujui dan storytelling ini mudah dipelajari dan diikuti oleh murid. Secara tidak langsung apa yang telah dipelajari akan menjadi amalan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian," kata Roziah.

Beliau menambah, MIPs akan mempunyai 12 cerita yang menekankan nilai-nilai integriti. Kit MIPs yang terdiri daripada big books, rancangan sesi pengajaran (RSP) dan cakera padat lagu SAM (Saya Anak Malaysia) serta 12 judul lagu tema cerita akan dihasilkan untuk kegunaan dalam modul ini. Kata Roziah, penggunaan lagu adalah sebahagian

*Sambungan di muka surat 15*

## THE FOURTH INDUSTRIAL REVOLUTION



*Publisher: Penguin Random House*

*Published: 2017*

*Author: Klaus Schwab*


The Fourth Industrial Revolution book is characterized by a range of new technologies that are fusing the physical, digital and biological worlds, impacting all disciplines, economies and industries, and even challenging ideas about what it means to be human.

The resulting shifts and disruptions mean that we live in a time of great promise and great peril. The world has the potential to connect billions more people to digital networks, dramatically improve the efficiency of organizations and even manage assets in ways that can help regenerate the natural environment, potentially undoing the damage of previous industrial revolutions.

However, Schwab also has grave concerns: that organizations might be unable to adapt; governments could fail to employ and regulate new technologies to capture their benefits; shifting power will create important new security concerns; inequality may grow; and societies fragment.

Schwab puts the most recent changes into historical context, outlines the key technologies driving this revolution, discusses the major impacts on governments, businesses, civil society and individuals, and suggests ways to respond. At the heart of his analysis is the conviction that the Fourth Industrial Revolution is within the control of all of us as long as we are able to collaborate across geographies, sectors and disciplines to grasp the opportunities it presents.

Crowdsourcing ideas, insights and wisdom from the World Economic Forum's global network of top leaders from business, government and civil society and young leaders, this new book looks deeply at the future that is unfolding today and how we might take collective responsibility to ensure it is a positive one for all of us.



*Publisher: The Free Press*

*Published: 1979*

*Author: Milton Rokeach*

## UNDERSTANDING HUMAN VALUES INDIVIDUAL AND SOCIETAL

Understanding human values is a never-ending process – a groping toward an ultimate objective that can be attained only by a method of successive approximation. This book brought together recent contributions from several social science disciplines on the role of human values in everyday life. The book covers the study of human values extended from the individual to organisational, institutional, societal and cultural levels of analysis. It has a vast range of material, advancing from educational to societal to cross-cultural contexts.

The book is drawn to several ways in which supposedly enduring stable, centrally located individual values naturally undergo continual change in everyday life, and an attempt is made to identify several individual and social antecedents and consequences of value and value change. The ethical question as to whether it is possible to manipulate people's values for evil purposes is further pursued.



◀ Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif MIMOS Berhad, Ahmad Rizan Ibrahim (lima dari kiri) mengadakan perbincangan dengan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Datuk Dr Anis Yusal Yusoff. Antara lain membincangkan kerjasama pelaksanaan ujian psikometrik Profil Integriti Malaysia (MIP).

▼ Sesi perbincangan menyemak reka letak akhir Modul Integriti Prasekolah (MIPs) dan koleksi buku cerita integriti.

INTEGRITI membentangkan ▶  
dapatkan pelaksanaan  
Instrumen Penilaian  
Integriti (IAT) kepada  
Majlis Perbandaran Klang  
(MPK) pada 12 Disember.  
Pembentangan dilakukan  
di hadapan Yang Dipertua  
MPK, Dato' Mohamad  
Yasid Bidin.



*Sambungan dari muka surat 13*

daripada kandungan MIPs yang menekankan kaedah penceritaan dalam menyampaikan mesej mengenai nilai-nilai integriti.

“Kita perlu menggunakan nilai-nilai penceritaan sebab murid-murid di peringkat tadika perlu didedahkan kepada cara penyampaian dan penerimaan yang mudah dan bersantai.”

“Pada pandangan kami dan juga KPM, kaedah ini harus dipraktikkan agar mesej yang disampaikan dapat diterima, difahami dan dihayati dengan cepat,” kata beliau.

Bersesuaian dengan pepatah yang berbunyi “melentur buluh biarlah dari rebung”, penggubalan MIPs adalah amat tepat sekali sebagai pelengkap kepada pembudayaan nilai dalam pendidikan awal kanak-kanak khususnya pendidikan prasekolah.

MIPs bercorak pembelajaran yang menyeronokkan atau fun learning dan interaktif, menekankan pembinaan karektor melalui sesi pertunjukan dan penceritaan.

Objektif MIPs adalah memberikan

kepelbagaian pilihan kepada pihak berkepentingan dalam usaha mengukuhkan lagi pembenihan integriti dalam sesi pengajaran dan pembelajaran melalui konsep fun learning dan interaktif. Usaha ini diharap dapat mengukuh dan meneruskan kelangsungan agenda pembudayaan integriti.

Menyedari kepentingan menerapkan nilai murni seawal peringkat kanak-kanak, INTEGRITI telah mengambil inisiatif mengetengahkan MIPs bagi membina integriti terhadap golongan terbabit. Melihat kepada siri insiden tidak diingini membabitkan golongan muda termasuk kes-kes membuli di sekolah, usaha menyemai nilai-nilai murni menggunakan MIPs diyakini akan membantu melahirkan generasi berkualiti selaras dengan agenda Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Mengenai impak projek rintis ini, Roziah berkata, terdapat peningkatan dalam penerimaan dan amalan nilai-nilai murni dari sudut integriti.

“Kajian sebelum dan selepas projek rintis menunjukkan ada tanda-tanda

penerimaan positif dalam soal amalan nilai-nilai budaya berintegriti. Kadar penerimaan ada menunjukkan peningkatan,” kata beliau yang turut berkongsi pandangan guru-guru yang terlibat.

“Misalnya ada guru yang berkata mereka menerima respons daripada ibu bapa yang ditegur anak mereka sendiri apabila melanggar lampu merah semasa memandu. Saya kira ini satu perkembangan yang baik dalam jangka panjang,” kata beliau yang yakin bahawa MIPs yang mendapat sokongan KPM jika dilaksanakan kelak akan membantu melahirkan masyarakat berintegriti tinggi dalam jangka panjang.

“INTEGRITI juga percaya ini yang diperlukan dan diharapkan oleh masyarakat dan negara,” katanya.

Bersesuaian dengan pepatah yang berbunyi “melentur buluh biarlah dari rebung”, penggubalan MIPs adalah amat tepat sekali sebagai pelengkap kepada pembudayaan nilai dalam pendidikan awal kanak-kanak khususnya pendidikan prasekolah.



[www.integrity.my](http://www.integrity.my)

